

PM saran teroka pasaran Asean

Oleh Othman Mamat

GURUN (Kedah): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pelabur tempatan mengambil peluang menerokai pasaran Asean sambil mengurangkan pergantungan terhadap teknologi yang diimport.

Perdana Menteri berkata, pelabur tempatan perlu membangunkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sendiri supaya mereka dapat bersaing dalam pengeluaran barang-barang tertentu.

Selain itu, beliau berharap pengilang keluli tempatan akan berusaha lebih gigih dalam usaha pemasaran dan eksport dengan memperbaiki rangkaian pemasaran serta meningkatkan lagi mutu barang-barang mereka.

Beliau berkata, pelabur patut tertarik dengan perkembangan terbaru di Asean kerana rantau Asia Tenggara kini bukan saja

sedang berkembang pesat malah setiap negara di rantau itu mempunyai hasrat memajukan ekonomi mereka.

Menurutnya, bekalan bahan mentah yang mudah diperolehi dan paras penggunaan yang semakin meningkat di rantau Asean juga patut dijadikan tarikan kepada pelabur untuk menanam modal di sini.

"Pembentukan Majlis Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) juga akan membantu membebaskan lagi perdagangan antara negara Asean dalam beberapa tahun akan datang," katanya ketika merasmikan sebuah kilang besi di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, kilang keluli mempunyai peranan penting dalam membantu membangunkan industri kejuruteraan dan sokongan dengan memberi peluang pencipta pelbagai alat ganti dan komponen yang diperlu-

kan kilang.

Beliau berkata, pada masa ini, negara mengimport 200,000 tan metrik keluli setiap tahun untuk menampung keperluan pengeluaran komponen dan bahagian keluli tempatan.

Sehubungan itu, katanya pembukaan kilang besi di Gurun ini akan membantu negara menjimatkan banyak tukaran asing dan sekaligus memberi manfaat kepada rakyat negara ini.

Yang lebih penting, katanya kilang itu akan membuka jalan bagi Malaysia menghasilkan barang-barang yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta berteknologi canggih.

"Projek ini akan membantu meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan paras kemahiran negara dan dengan itu, mendedahkan kita ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.

Dr Mahathir berkata,

industri berat sedang mengalami pertumbuhan pesat serta perubahan dalam struktur pengeluaran barangan walaupun sumbangannya terhadap pengeluaran pembuatan di negara ini agak kecil.

Menurutnya, pengeluaran besi dan barangan keluli negara meningkat sejak kebelakangan ini, iaitu daripada 1.6 juta tan metrik pada 1987 kepada 3.4 juta tan metrik pada 1991.

Beliau berkata, penggunaan keluli per kapita negara juga meningkat kepada 220 kilogram pada 1992 berbanding 41 kilogram pada 1971 sehingga menyebabkan Malaysia kini tergolong sebagai pengguna tahap sederhana.

"Kadar penggunaan keluli ini dijanjikan meningkat 25 peratus setiap tahun bagi barangan tertentu dan sebanyak 10 hingga 15 peratus secara keseluruhan," katanya.